

## Anak Laut

Segar angin laut  
mengembalikan rindunya pada kolek  
bagai buih kecil terapung di air  
menjaring sedikit rezeki  
dan sisik ikan  
    kulit ketam  
    kepala sotong  
    dan  
    kaki udang yang bersimpati.

*Maksud:*

*Tiupan angin yang segar mengingatkan seorang nelayan tua kepada koleknya yang kecil ketika meredah lautan. Dengan menaiki kolek itulah dia mencari rezeki di laut dengan menangkap ikan, ketam, sotong dan udang.*

Seperti kolek terdampar di pasir  
menampakkan urat jalur-jalur tua  
anak laut itu sudah dapat menerka  
langkahnya hampir tiba  
pada muara Pencipta.

*Maksud:*

*Keadaan kolek usang yang tersadai di pasir pantai, samalah juga dengan keadaan nelayan tua. Nelayan yang sudah tua dapat menduga bahawa saat kematiannya sudah hampir tiba.*

Jawab soalan-soalan yang berikut.

- i) Mengapakah penyajak mengatakan bahawa dirinya *bagai buih kecil terapung di air*? (3 markah)
- ii) Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan kehidupan nelayan sentiasa dihimpit kemiskinan? (4 markah)
- iii) Huraikan persoalan-persoalan yang diutarakan dalam sajak Anak Laut? (3 markah)
- iv) Jelaskan nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam sajak di atas? (3 markah)
- v) Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya hendak mengatasi masalah kemiskinan dalam kalangan nelayan di negara kita? (4 markah)
- vi) Apakah maksud rangkaian kata *menampakkan urat jalur-jalur tua*? (2 markah)
- vii) Jelaskan tema yang diutarakan dalam sajak? (3 markah)
- viii) Apakah maksud rangkaian kata *mengembalikan rindunya pada kolek*? (2 markah)

## Latihan Sajak SPM (Kerusi)

### Di Kota Kecilku

Di sini aku pulang  
tempat besekolah dan dibesarkan  
lewat Padang Speedy  
terus ke Durian Sebatang  
semuanya kini terasa kecil  
mengimbau rindu  
dan kenangan

#### Maksud

*Penyajak telah pulang ke kampung halamannya, di Durian Sebatang, tempat beliau dibesarkan dan mendapat pendidikan. Kepulangan itu telah menimbulkan nostalgia pada diri penyajak tentang kenangan masa silamnya.*

Di sini anak belasan tahun  
mulai mengenal cinta dan ilmu  
pengorbanan ayah dan emak  
keakraban teman dan pergelutan  
detik itu mengambang bagai mimpi  
sewaktu kulewati kota kecilku ini.

#### Maksud

*Penyajak mengimbau kenangan ketika beliau berusia belasan tahun dan masih belajar. Beliau teringat akan pengorbanan ibu dan bapanya serta kemesraan bersama-sama teman-teman.*

Sesaat tiba di muka sekolah  
telah lama kutinggalkan  
kini sudah berubah  
terasa sepi  
suara guru yang memberikan markah  
pada pangkat pertama  
buat si anak desa  
dan ayahku tak berkata bangga.

#### Maksud

*Ketika tiba di kawasan sekolah lamanya, penyajak mendapati sekolah tersebut telah banyak berubah. Beliau mengingati saat-saat semasa belajar di sekolah tersebut. Guru-guru banyak berjasa dalam membantu beliau memperoleh pangkat satu yang merupakan satu pencapaian yang cemerlang bagi seorang anak desa. Namun begitu, ayahnya tidak berasa bangga akan kejayaan beliau.*

Di sinilah anak desa  
menenal dunia  
di kota kecilnya  
padang Speedy  
dan Durian Sebatang  
meski berubah pandangan

mengimbau rindu dan kenangan  
sayang.

Maksud

*Walaupun kampung halamannya banyak mengalami perubahan, namun tempat itu tetap akan sentiasa dikenang kerana beliau sedar bahawa kehidupannya bermula di kota kecil, iaitu Durian Sebatang.*

Jawab soalan-soalan berikut:

- i) Jelaskan nostalgia penyajak seperti yang terdapat dalam sajak di atas? (3 markah)
  
- ii) Pada pandangan anda bagaimanakah penyajak boleh membantu membangunkan kampung halamannya? (3 markah)
  
- iii) Huraikan dua persoalan yang dapat anda kesan setelah membaca sajak di atas. (3 markah)
- iv) Berikan maksud rangkaian kata detik itu mengambang bagai mimpi (2 markah)
- v) Pada pandangan anda, kenapakah jasa guru perlu jasa guru perlu dikenang? (4 markah)
  
- vi) Nyatakan tiga pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas. (3 markah)

### **Manusia Dan Kesejahteraan**

Kelelahan kita semakin parah tenatnya  
berserta kekejaman mengatasi kedamaian  
titik pertemuan menjadi tentangan  
tak siapa mau beralah.

Maksud

*Kehidupan di dunia ini semakin tidak aman dan dipenuhi oleh peperangan serta kekejaman manusia. Keadaan ini berlaku kerana manusia enggan bertolak ansur serta tidak bersatu padu dalam kehidupan seharian. Walaupun ada usaha untuk mencari penyelesaian namun kata sepakat jarang dicapai kerana sikap manusia yang enggan mengalah.*

Saat ini siapa lagi sanggup bersemboyan  
janjikan harapan semanis janji orang bercinta  
setiap pembicaraan tanpa persatuan  
kejujuran mati di hati.

Maksud

*Manusia hari ini tidak sanggup memperjuangkan kedamaian secara ikhlas. Mereka hanya membuat janji-janji kosong tanpa menunaikannya. Segala bentuk perbincangan dan*

*perundingan dipenuhi oleh janji palsu dan kepura-puraan. Nilai kejujuran semakin luput dalam hati mereka.*

Hari ini tak payah parau bertanya  
ketuaan dunia akan tenggelam juga  
dalam kebodohan manusia  
yang kian bermuka dua

**MAKSUD**

*Penyajak menegaskan bahawa dunia ini akan menemui kehancuran kerana sikap manusia yang jahil dan penuh kepura-puraa. Masing-masing inginkan kuasa dan kekayaan.*

Demi kelak dewasanya anaku  
kau bikinlah perhitungan sendiri  
untuk menjengah neraka kecintaan manusia  
mencucuri bahan api neraka.

**Maksud**

*Penyajak menasihati generasi akan datang agar pandai membuat pertimbangan yang sewajarnya dan bersedia untuk berhadapan dengan keadaan dunia yang kucar-kacir dan tidak tenteram pada masa akan datang.*

Tambah mengimbau sorotan kitab MUHAMMAD!  
tambah mengimbau sorotan kitab ESA!  
hanya kesejahteraan membunga api.

**Maksud**

*Hanya dengan berpegang teguh pada ajaran dan tegahan agama, manusia akan dapat mengecapi kesejahteraan dan kedamaian hidup yang lama diidamkan.*

Jawab soalan-soalan berikut :

- i) Jelaskan maksud frasa *bikinlah perhitungan sendiri* mengikut penggunaannya dalam sajak. (2 markah)
- ii) Apakah nasihat penyajak kepada generasi akan datang? (3 markah)
- iii) Huraikan dua nilai kemanusiaan yang terdapat dalam sajak ini. (4 markah)
- iv) Berikan maksud frasa *kejujuran mati di hati* mengikut penggunaannya dalam puisi. (2 markah)
- v) Mengapakah manusia gagal mencapai kata sepakat dalam usaha mereka mengekalkan kedamaian? (3 markah)
- vi) Huraikan dua pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas. (4 markah)

## DERITA PERTAMA

Adam adalah bapa kita  
yang tercampak dari seberang dunia  
kerana mencari syurga  
di celah buah khuldi.

### *Maksud*

*Nabi Adam merupakan bapa kepada semua manusia. Dia tercampak ke dunia kerana telah melanggar perintah Tuhan agar tidak makan buah khuldi.*

Waktu terlantar di dunia baru  
hari tengah malam  
ia tidak mengerti apa yang terjadi  
mulutnya bisu.

### *Maksud*

*Ketika tiba di dunia ini, hari sudah tengah malam. Baginda rasa sunyi dan bersendirian. Baginda tidak mempunyai sebarang teman untuk berbual atau berbicara.*

Ia melihat sekeliling  
mulai merasa cemas akan kegelapan  
segumpal awan hinggap ke kening  
ia tidak tahu apakah itu.

### *Maksud*

*Baginda berasa cemas dan takut kerana keadaan yang gelap gelita. Benda-benda di sekelilingnya begitu asing kerana baginda tidak pernah melihatnya.*

Sepanjang malam ia tercengang  
dari hatinya mengalir sungai duka  
bagaimana akan kutempuh rimba kegelapan  
tubuh seorang.

### *Maksud*

*Baginda berasa sedih dan kesal atas perbuatannya namun segalanya telah lewat. Baginda mula berasa risau apabila memikirkan apa yang perlu dilakukan untuk menempuh hidup baru di dunia ini. Tambahan pula baginda hanya keseorangan di dunia ini.*

Sepanjang malam air matanya  
membelah muka bulan.

### *Maksud*

*Baginda terharu dan sedih menghadapi derita pertamanya di dunia ini. Baginda menangis sepanjang malam sehingga bulan turut bersimpati akan nasib baginda.*

Jawab soalan-soalan berikut :

i) Gambarkan perasaan Adam ketika terlantar di dunia baru. (3 markah)

(ii) Pada pendapat anda, apakah yang perlu dilakukan oleh seseorang untuk menyesuaikan diri di tempat baru? ( 3 markah )

- (iii) Huraikan tiga nilai kemanusiaan yang ditimbulkan dalam sajak ini. ( 3 markah )
- (iv) Gambarkan keadaan Nabi Adam ketika tiba di dunia ini. ( 3 markah )
- (v) Pada pendapat anda, mengapakan Nabi Adam berduka dalam sajak tersebut? (3 markah )
- (vi) Huraikan dua persoalan yang ditimbulkan dalam sajak ini. ( 3 markah )

### **Latihan Sajak SPM (Anak Laut)**

#### **JALAN-JALAN RAYA KOTAKU**

Saban waktu sepanjang perjalanan  
jalan-jalan raya kotaku  
lewat senja begini  
tika gerimis menabur benih  
menerima kehadiran warga kota  
lemas dalam kesabaran  
lelah meresahkan  
dengan luka parah di hati.

*Maksud*

*Penyajak meluahkan rasa kesal beliau terhadap sikap sesetengah pengguna jalan raya yang tidak bertimbang rasa, tidak sabar dan tidak bertolak ansur ketika berada di jalan raya. Keadaan bertambah buruk apabila mereka terperangkap dalam kesesakan lalu lintas ketika hujan gerimis pada waktu senja.*

Ketidaksabaran membengkak  
kesombongan merajai setiap ruang  
semakin padat dengan emosi  
kebosanan menggigit pangkal rasa.

*Maksud*

*Pengguna jalan raya bersikap sombong, tidak sabar dan dipengaruhi emosi akibat perasaan bosan semasa terperangkap dalam kesesakan lalu lintas. Mereka semakin jemu dengan kehidupan sedemikian yang tiada penghujungnya.*

Demikian etika di perjalanan  
budi luhur warga kotaku  
tidak lagi berlaku  
yang hadir adalah keserakahan  
memacu menghimpun kekuatan  
menghakis sopan santun  
seperti banjir kilat  
melanda pinggir perjalanan  
fitrah sang manusia

peradaban kota masa kini.

*Maksud*

*Pengguna jalan raya semakin kehilangan nilai-nilai murni seperti sopan santun, berbudi bahasa dan bertimbang rasa akibat tekanan hidup di kota. Sebaliknya sikap mereka menjadi kasar, angkuh dan terburu-buru kerana dikuasai hawa nafsu yang menggugat peradaban manusia*

Jalan-jalan raya kotaku  
adalah gelanggang kebuasan  
perlumbaan kebiadaban  
para pesakit  
kemanusiaan semakin mandul  
pada penghujung musim.

*Maksud*

*Penyajak menggambarkan jalan raya yang dijadikan medan melepaskan perasaan, bersikap biadap dan tidak bertanggungjawab. Keadaan itu jelas menunjukkan bahawa nilai kemanusiaan semakin terhakis dalam kalangan masyarakat di kota yang serba moden dan canggih ini.*

Jawab soalan-soalan berikut :

- i) Apakah sikap pengguna jalan raya seperti yang diperkatakan dalam sajak ini? (3 markah)
- ii) Pada pendapat anda mengapakah mereka bersikap demikian? Berikan ulasan anda. (3 markah)
- iii) Huraikan beberapa persoalan yang terdapat dalam sajak ini? (3 markah)
- iv) Apakah pengalaman yang dilalui oleh penyajak sepanjang melalui jalan-jalan raya di kota? (3 markah)
- v) Kesesakan lalu lintas merupakan fenomena biasa di kota. Pada pendapat anda bagaimanakah caranya untuk mengatasi masalah tersebut? (3 markah)
- vi) Huraikan tiga pengajaran yang terdapat dalam sajak ini. (3 markah)
- vii) Bagaimanakah keadaan jalan raya seperti yang digambarkan dalam sajak ini? (3 markah)
- viii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang mungkin timbul sekiranya pengguna jalan raya menjadikan jalan raya sebagai medan perlumbaan? (3 markah)
- ix) Huraikan tiga sikap negatif yang ditonjolkan dalam sajak ini. (3 markah)

## Latihan Sajak SPM (Kerusi)

### Di Ruang Gemanya

Telah kurangkumkan rebah setiaku  
pada setiap pilu dan rindu  
melayang dan mengembang  
ke hayat gemilang. Sejak itu  
tidak kukesal lagi  
Goda dan duga  
Di gerimis senja.

*Maksudnya: Penyajak menumpahkan seluruh taat setianya kepada negaranya yang tercinta. Sepanjang perjuangan menuntut kemerdekaan daripada penjajah, penyajak telah menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan, namun penyajak tidak berasa kesal akan tindakannya itu.*

Telah kupahatkan lelah umurku  
Pada setiap kerikil dan debu  
Datang dan menghilang  
Ke hujung kenang. Sesudah itu  
Tidak kukenal lagi  
Hampa dan derita  
Di guruh pagi.

*Maksudnya: Sepanjang hidupnya penyajak sentiasa mencurahkan bakti dan berusaha untuk memastikan negaranya bebas daripada masalah. Setelah dia berusaha penyajak tidak lagi berasa hampa dan kecewa kerana negaranya kini telah mencapai kemerdekaan.*

Gerimis senja guruh pagi  
Adalah titipan maya  
Bakal kukongsikkan hati  
Mengukir tadbir di ruang gemanya.

*Maksudnya: Penyajak ingin menyampaikan mesej bahawa dugaan dan cabaran itu merupakan perkara biasa dalam mengharungi liku-liku hidup. Penyajak juga bersedia berkongsi pengalamannya dengan anggota masyarakat yang lain dan bersama-sama mencurahkan usaha, idea dan tenaga untuk membangunkan negaranya yang tercinta.*

### Latihan 1

- i) Buktikan penyajak seorang yang cinta akan negaranya. [3 markah]
- ii) Pada pendapat anda, apakah akibatnya jika rakyat tidak taat setia kepada negara? [3 markah]
- iii) Apakah persoalan yang terdapat dalam sajak ini. [3 markah]

### Latihan 2

- i) Jelaskan maksud baris puisi berikut:  
*Telah kupahat lelah umurku  
Pada setiap kerikil dan debu*  
[2 markah]
- ii) Sebagai seorang pelajar,apakah tanggungjawab anda kepada negara?  
[3 markah]
- iii) Nyatakan pengajaran yang terdapat dalam sajak ini.  
[3 markah]

### Latihan 3

- i) Nyatakan maksud rangkap kedua sajak ini.  
[3 markah]
- i) Pada pendapat anda apakah peranan yang perlu dimainkan oleh seorang warganegara untuk menjamin kedaulatan dan kemajuan negara?  
[3 markah]
- ii) Huraikan nilai-nilai murni yang terdapat dalam sajak ini.  
[3 markah]

### **Latihan Sajak SPM (Anak Laut)**

### **Latihan Sajak SPM**

#### **Aku Menjadi Lebih Berani**

Kali ini  
kau berbaju biru  
dan bajuku ungu.  
Sayang, hanya aku tahu  
hatimu  
tidak setulus hatiku  
yang berbaju ungu.

#### Maksud

Penyajak berbaju ungu manakala kawannya berbaju biru.Penyajak membandingkan sifat kawannya itu melalui warna tersebut. Walaupun biru melambangkan peribadi yang lembut dan tulus dalam setiap tindakan,penyajak berpendapat sebaliknya terhadap kawannya.Penyajak menyedari kawannya itu mempunyai hati yang tidak jujur dan tidak ikhlas berbanding dirinya yang berbaju ungu. Ungu hampir dekat dengan hitam iaitu lambang kesedihan.

Bila begini,  
sebilah pisaumu aku tidak gentar  
sepatah kata  
bisa,  
aku merasa.

Maksud

Dalam keadaan penyajak dihimpit secebis kedukaan dalam hidupnya, kawannya bukannya memujuk atau meringankan beban yang dideritainya sebaliknya melontarkan kata-kata yang sungguh berbisa. Kata-kata yang berbisa itu menyinggung dan mengecewakan hati penyajak. Penyajak berpendapat tikaman daripada sebilah pisau tidak begitu terasa pedihnya berbanding dengan kata-kata yang bisa. Namun, penyajak tidak takut dengan tikaman tersebut.

Hati dan rasa mengajarku  
aku menjadi lebih berani.

Maksud

Penyajak mendapat satu pengajaran agar tidak berpaut harap kepada kawan yang tidak ikhlas dan bersikap pura-pura. Penyajak menjadi lebih berani walaupun keseorangan dan lebih baik begitu daripada mempunyai kawan yang tidak ikhlas malahan menikamnya dari belakang.

### **Jawapan Latihan 1**

- (i) Siapakah *kau* dalam sajak di atas ?
- (ii) Nyatakan tiga persoalan yang terdapat dalam sajak ini.
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah nilai keberanian itu perlu ada pada diri sendiri seseorang?
- (iv) Apakah yang menyebabkan *aku* menjadi seorang wanita yang berani?
- (v) Pada pandangan anda, mengapakah kita perlu jujur dalam bersahabat?
- (vi) Berikan empat pengajaran daripada sajak *Aku Menjadi Berani*. yang terdapat dalam sajak ini.

## Latihan Sajak SPM

### Duhai Pentafsir

Pentafsir,  
sebenarnya telah lama kucari  
suaramu yang sarat  
ke mana jatuhnya gema itu?  
di manakah tempat istirahat  
setelah pengembaraan yang penat  
di manakah telah kaurakamkan  
pertemuan matahari,rimba dan lautan?

*Maksud:*

*Penyajak membuat pernyataan bahawa dia telah lama mencari arah dan kebenaran dalam kehidupannya, tetapi masih belum ditemui. Usia yang semakin bertambah menyebabkan penyajak hampir terlupa peristiwa-peristiwa silam yang dilaluinya.*

Senja ini menemuiku  
dengan lusuh catatanmu  
angin yang sedang cuba mengoyak-ngoyakkan lembar-lembar buku  
sedang aku belum ketemu  
surat yang kau tuliskan padaku.

*Maksud:*

*Sewaktu usia semakin tua, penyajak masih meneruskan pencariannya. Banyak hasil tulisan yang dibaca dan diteliti sehingga seakan-akan kajian yang dikaji menjadi lusuh. Pertambahan usia memberi peringatan kepada penyajak bahawa sisa-sisa usia semakin singkat. Tetapi masih mencari-cari petunjuk yang benar daripada pencipta-Nya.*

Telah hilangkah ia  
Atau kau tidak pernah menulisnya  
Ah, aku tidak bisa tidur dan melupakan  
Racun keresahan telah membunuh lenaku  
Sejak kau dahagai penawar dalam lautan nota-notamu  
Kiranya terdampar dalam angin yang ragu  
Yang tidak mengenal arah tiupannya  
Angin tanpa sabar yang telah melunturkan  
Kehijauan dalam keriangman masa kecilku.

*Maksud:*

*Penyajak menjadi keliru dalam mencari petunjuk Ilahi dan hakikat kebenaran kehidupan ini. Penyajak diburu resah oleh sejarah silam kehidupannya yang beronak dan berliku. Penyajak mula sedar kesilapan dan kelalaiannya yang menyimpang daripada petunjuk Ilahi. Dia berasa kerugian kerana membiarkan masa mudanya begitu sahaja tanpa berusaha mengenal Tuhannya.*

Pentafsir, musim telah terlalu tua  
kaca jendela menjadi kelabu  
dan aku telah terlalu lesu  
untuk menari bersama bayang-bayangmu  
senja pun semakin larut  
lembar-lembar menjadi semakin kuning  
apakah aku harus mengebumikan buku-buku ini

di samping pusaramu yang sepi.

*Maksud:*

*Usia penyajak semakin tua, penglihatannya semakin kabur dan tubuh menjadi semakin lemah. Tetapi penyajak tetap berusaha untuk mendapatkan perlindungan dan keredaan Tuhan dalam kehidupannya yang semakin singkat. Penyajak ingin meninggalkan semua kejahilan dan melupakan sejarah silamnya. Namun begitu dia masih ragu akan penerimaan Tuhan terhadap keinsafan dirinya.*

Hentikan ejekanmu  
biar kupecahkan kaca ini  
melihat keluar. Lalu mengenal  
rumpun-rumpun yang redup  
adalah pengakuanmu, Tuhanku!  
yang menjernihkan mataku.

*Maksud:*

*Penyajak menyatakan keyakinannya untuk keluar daripada keraguan dan kesangsiannya. Penyajak membuat tekad dan menyerah diri mencari keredaan Tuhan untuk mencari ketenangan jiwanya.*

### **Latihan 1**

- (i) Terangkan maksud *pengembaraan yang penat* mengikut penggunaannya dalam sajak di atas.
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah ilmu agama itu penting dalam kehidupan?
- (iii) Apakah persoalan-persoalan yang diketengahkan dalam sajak di atas?
- (iv) Nyatakan apa yang terjadi kepada 'aku' apabila musim telah terlalu tua?
- (v) Nyatakan tiga pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas.
- (vi) Pada pendapat anda, mengapakah buku perlu dijadikan teman sepanjang hidup?

### **latihan 2**

- (i) Berikan maksud rangkai kata berikut:  
*Di manakah tempat istirahat, setelah pengembaraan yang penat*
- (ii) Mengapakah penyajak mencari seorang pentafsir untuk dirinya?
- (ii) Nyatakan gaya bahasa yang terdapat dalam sajak beserta contohnya.
- (iii) Apakah yang dimaksudkan dengan *racun keresahan telah membunuh lenaku*?
- (iv) Jika anda beransur tua, apakah perkara-perkara yang bermanfaat yang harus anda lakukan?

- (v) Terangkan tema dan persoalan yang terdapat dalam sajak di atas beserta contohnya.

## Latihan Sajak SPM (Kerusi)

### KEINDAHAN YANG HILANG

I

Sayup-sayup undan tua berlagu hiba  
terbang beriring di rembang petang  
renik-renik mengirai bulu carik  
melayang satu-satu berbaur debu  
lesu berapungan di air lalu.

*Maksudnya : Penyajak menyatakan perasaan hiba dan sayu hatinya terhadap keadaan alam sekitar yang kian tercemar dengan menggambarkan keadaan fizikal burung undan yang berguguran bulu pelepahnya dan bulunya terapung di permukaan air. Burung undan yang menyanyi dengan suara yang begitu hiba*

Daun-daun menghijau alangkah segar  
kemilau danau disinari mentari  
kali tenang betapalembut mengalir ke muara  
kedamaian melingkar rimba  
lalu tumpah kasih nan jernih  
erat bertaut cinta kasih.

*Maksudnya : Penyajak menggambarkan kehijauan alam, kesegaran pohon-pohon di dalam hutan, kejernihan air tasik dan ketenangan air sungai yang mengalir sebelum masalah pencemaran muncul.*

Malam hiba dadanya ungu luka  
pungguk tersedu pilu di atas batu  
bulan tiada lagi mendandan wajah  
bintang malam pudar sinarnya.

*Maksudnya : Penyajak berduka kerana waktu malam tidak seperti dahulu lagi. Burung hantu menangis di atas batu. Bulan dan bintang tidak lagi menjadi sumber keindahan malam berikutan wujudnya masalah pencemaran*

II

Orang bicara bulan bintang di makmal  
Pada buku, data dan komputer  
Lalu bulan dan cakerawala bisa diteroka  
Bisa kembara di planet dan angkasa.

*Maksudnya : Penyajak menyatakan kemajuan sains dan teknologidalam pelbagai bidang membolehkan manusia meneroka alam dan cakerawalanya. Kemajuan dalam teknologimembolehkan manusia menjejak kaki ke bulan dan mengembara ke planet-planet lain.*

Undan patah sayap gugur bulunya bertaburan  
suara siapa parau mendera di malam lara  
kali tenang tiba-tiba airnya bengis melanda  
kepada siapa anak-anak kota desa berhutang nyawa?

*Maksudnya : Akibat proses pembangunan dan kemajuan, pelbagai pencemaran alam sekitar telah berlaku. Hidupan alam semakin pupus, keseimbangan alam terjejas, kedamaian dan ketenteraman alam terganggu dan kehijauan alam semakin pupus. Kerap kali berlakunya banjir dan malapetaka yang tidak dijangka dan yang menjadi mangsanya ialah penduduk desa yang menggunakan sungai itu untuk urusan seharian mereka.*

### III

Bulan kini bukan lagi menara kasih jernih  
bintang-bintang bukan lagi saksi sumpah kekasih.

*Maksudnya : Rangkap terakhir ini menyatakan sikap manusia sekarang yang tidak lagi menghargai keindahan alam sekitar. Mereka lebih mementingkan pembangunan dengan berpandukan kemajuan sains dan teknologi.*

#### Latihan 1

- i) Bandingkan keadaan alam sebelum dan selepas berlakunya pencemaran oleh manusia yang tidak bertanggungjawab. (3 markah)
- ii) Terangkan maksud rangkap terakhir sajak tersebut. (2 markah)
- iii) Pada pendapat anda, mengapakah penyajak banyak menggunakan imejan alam dalam penulisan sajak tersebut? (3 markah)
- iv) Jelaskan punca-punca pencemaran alam pada zaman moden ini. (4 markah)
- v) Berikan maksud rangkap keempat sajak. [3 markah]
- vi) Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi kemusnahan alam sekitar? [3 markah]
- vii) Berikan tema dan persoalan yang terdapat dalam sajak. [3 markah]
- viii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan buruk yang akan timbul sekiranya alam semakin tercemar? (3 markah)
- ix) Huraikan beberapa pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut. (3 markah)

## Latihan Sajak SPM (Kerusi)

### Tukang Gunting

Pada batang bongkok  
semarak api tua ini  
ia tambatkan perahu hidup  
di tebing lalu-lalang  
di lumpur sungai manusia.

*Maksud :*

*Sajak mengisahkan seorang tua yang mencari rezeki sebagai tukang gunting di bawah sebatang pokok semarak api.*

Dengan sebilah gunting  
sebuah cermin sompek  
sebuah sisir rongak  
dan bangku kaki tiga  
ia ukir nafkah keluarganya.

*Maksud :*

*Orang tua itu hanya berbekalkan sebilah gunting, cermin, sikat dan bangku kaki tiga untuk mencari rezeki bagi menyara keluarganya.*

Seperti semarak api  
begitulah bersemarak hatinya  
seperti bunga semarak api  
gugur di tanah  
begitulah berbunga denyutnya  
terkumpul di darah.

*Maksud :*

*Orang tua itu diumpamakan seperti pokok semarak api kerana mempunyai semangat juang yang tinggi dan sentiasa gembira dengan pekerjaan yang dilakukannya.*

Sementara pelanggan tiba  
ia duduk di hadapan cermin  
menyikat remajanya  
dan merapikan tuanya  
dengan sisir rongak.

*Maksud :*

*Sementara menanti kedatangan pelanggan, tukang gunting terkenang akan zaman remajanya serta memikirkan masa depannya.*

Pada batang bongkok  
semarak api tua ini  
ia tambatkan masa depan  
empat orang anak  
serta isteri setianya.

*Maksud :*

*Tukang gunting akan terus mencari rezeki untuk menyara isteri dan empat orang anaknya.*

### Latihan 1

- (i) Berikan maksud frasa *ia tambatkan masa depan* seperti terdapat dalam sajak.
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya tukang gunting itu boleh maju dalam perniagaannya?
- (iii) Huraikan empat nilai murni yang terdapat dalam sajak Tukang Gunting.
- (iv) Gambarkan peralatan yang digunakan oleh tukang gunting dalam sajak di atas.
- (v) Andaikan anda tukang gunting, apakah usaha-usaha yang akan anda lakukan untuk meningkatkan kerjaya anda.
- (vi) Nyatakan sifat-sifat tukang gunting yang digambarkan dalam sajak tersebut.

### Latihan 2

- (i) Berdasarkan maksud rangkap ketiga sajak, mengapakah tukang gunting diumpamakan seperti pokok semarak api?
- (ii) Pada pendapat anda mengapakah masih wujud rakyat yang hidup miskin di tengah-tengah-tengah bandar besar?
- (iii) Huraikan maksud metafora dan berikan dua contoh gaya bahasa ini yang terdapat dalam sajak.
- (iv) Apakah yang dikisahkan oleh penyair dalam sajak di atas?
- (v) Pada pendapat anda, mengapakah tukang gunting itu tabah menghadapi kehidupannya sebagai seorang tukang gunting di tengah-tengah bandar tersebut?
- (vi) Jelaskan empat pengajaran yang dikemukakan penyair dalam sajak di atas.

### Latihan 3

- (i) Nyatakan maksud rangkap kedua sajak.
- (ii) Pada pendapat anda, apakah yang boleh dilakukan oleh tukang gunting sementara menunggu pelanggannya?
- (iii) Nyatakan bentuk sajak ini.
- (iv) Nyatakan maksud *ia ukir nafkah keluarganya* seperti yang terdapat dalam rangkap kedua sajak.
- (v) Pada pendapat anda, apakah bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada tukang gunting agar dapat meningkatkan pendapatannya?
- (vi) Nyatakan empat persoalan yang terdapat dalam sajak ini.